

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 23.11.2015

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terutama di Sabah disediakan capaian internet menerusi program 1BestariNet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 Oktober 2015 sebanyak 8,938 sekolah iaitu 6,806 sekolah rendah dan 2,132 sekolah menengah di seluruh negara telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet. Daripada jumlah tersebut, di Sabah, sebanyak 1,186 sekolah iaitu 989 sekolah rendah dan 197 sekolah menengah telah dirangkaikan dengan 1BestariNet melalui teknologi 4G, *Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL)* atau *Very Small Aperture Terminal (VSAT)*. Baki sekolah yang belum dirangkaikan dengan 1BestariNet, dibekalkan talian internet melalui *Internet Service Provider (ISP)* lain. Oleh itu, semua sekolah di negeri Sabah telah disediakan kemudahan capaian internet.